

Umat Islam diseru beri perhatian kpd soal2 pokok

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed malam tadi mengingatkan umat Islam supaya memberi perhatian yang lebih kepada soal pokok dari hal-hal remeh temeh yang boleh menjadi punca perpecahan sesama mereka sendiri.

Bellau kesal terhadap sikap orang-orang yang mendakwa mahir dengan hukum-hukum Islam, telah membiarkan jenayah agama seperti mengkafirkan seseorang Islam yang lain berlaku tanpa tegahan dan teguran.

"Adakah perkara seperti songkok hakim itu lebih menarik per-

ALOR SETAR, Isnin

hatian mereka dari soal mengkafirkan sesama sendiri," tanya bellau.

Dari segi perpaduan Islam, kata bellau perbuatan mengkafirkan seseorang Islam itu akan menimbulkan kesan buruk.

Kesan buruk

Dato Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap di majlis makan malam meraikan pekerja-pekerja pilihanraya Barisan Nasional kawasan Parlimen Kubang Pasu di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim 12 batu dari ini.

Turut hadir dan berucap ialah Encik Osman bin Aroff yang menang semula bagi kawasan Dewan Negeri Jitra, Haji Hanafi bin Ramli (Tunjang) dan Hajjah Azzah binte Lebai Taib (Kuala Neraang).

Bellau mengucapkan terimakasih kepada pekerja-pekerja pilihanraya kawasannya kerana berusaha bersungguh-sungguh tanpa penat lelah hingga berjaya merebut semula sebuah kerusi Dewan Negeri yang dimilikki oleh PAS sejak tahun 1969.

Katanya, menghadapi pilihanraya bukanlah sekadar hendak memilih wakil rakyat tetapi adalah lebih dari itu.

Bellau menyeru parti komponen Barisan Nasional khususnya UMNO supaya terus giat walaupun pilihanraya telah tamat dan kita mendapat kejayaan.

"UMNO memerlukan lebih banyak tenaga terutama dari golongan muda untuk menggerakkan jentera parti dengan lebih berkesan dan sebagai persiapan mengambill alih pimpinan," katanya.

Menyeru

"Kita mestilah menjadi anak-anak muda yang bakal mewarisi perjuangan kita faham dengan matlamat yang hendak dicapai supaya mereka dapat bergerak dan menjalankan tugas tanpa arahan," katanya lagi.

Kepada calon-calon Barisan Nasional yang berjaya bellau berkata mereka mestilah berkhidmat dengan penuh tanggungjawab bukan sahaja untuk meningkatkan imej mereka tetapi mengharumkan nama parti.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Let : 1350

No. Pen : 1051/80